

NOTA AMALAN NO. 1/2026

PENERANGAN BERHUBUNG LAYANAN CUKAI BAGI PELAPORAN PENDAPATAN BERASASKAN BAUCAR AGIHAN UNTUNG DANA PASARAN WANG RUNCIT (“RMMF”).

1. Nota Amalan ini dikeluarkan untuk menjelaskan layanan cukai ke atas pemegang unit bagi unit amanah (“pemegang unit”) yang menerima agihan pendapatan daripada unit amanah RMMF.
2. RMMF adalah sejenis dana unit amanah yang melabur dalam instrumen hutang jangka pendek dengan risiko rendah. Dana ini ditubuhkan dengan tujuan menyediakan medium pelaburan yang stabil, memudahkan aset dicairkan dan berfungsi sebagai mekanisme pelaburan sementara untuk pelabur runcit yang ingin mendapatkan pulangan yang lebih baik berbanding akaun simpanan tanpa terdedah kepada risiko pelaburan yang tinggi.
3. Pendapatan faedah yang diterima di Malaysia daripada bank dan institusi kewangan berlesen boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 4(a) atau 4(c) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP). Namun, unit amanah telah diberikan pengecualian cukai ke atas penerimaan pendapatan faedah di bawah perenggan 35A, Jadual 6 ACP.
4. Walaupun pengecualian cukai ke atas pendapatan faedah telah diberikan kepada unit amanah (termasuklah RMMF) pendapatan faedah ini adalah suatu pendapatan bercukai kepada pemegang unit selain individu RMMF.
5. Oleh itu, RMMF dikehendaki memotong dan membayar cukai pegangan menurut seksyen 109DA ACP bagi pihak pemegang unit selain individu semasa agihan untung pendapatan faedah kasar dibuat. Kadar cukai pegangan yang dikenakan adalah sebanyak 24% daripada amaun kasar bagi pendapatan faedah yang diagihkan berdasarkan peruntukan di Bahagian XIX Jadual 1 ACP.

6. Mengikut subseksyen 61(1A) ACP, pemegang unit amanah boleh ditaksir dan dikenakan cukai pendapatan ke atas pendapatan yang bersamaan dengan amaun yang diperolehinya daripada jumlah pendapatan unit amanah bagi sesuatu tahun taksiran yang diagihkan kepadanya oleh unit amanah dalam tahun asas bagi tahun taksiran itu.
7. Layanan cukai ke atas pemegang unit RMMF adalah seperti berikut:-
- (a) bagi pemegang unit individu, pendapatan yang diagihkan oleh unit amanah adalah suatu pendapatan yang dikecualikan cukai;
 - (b) bagi pemegang unit selain individu yang tidak bermastautin pula, pendapatan yang diagihkan oleh unit amanah adalah pendapatan kasar selepas tolakan cukai pegangan yang merupakan cukai muktamad; dan
 - (c) bagi pemegang unit selain individu yang bermastautin pula, pendapatan yang diagihkan oleh unit amanah adalah suatu pendapatan yang dikenakan cukai. Pemegang unit layak menuntut kredit cukai yang terbit daripada cukai pegangan yang telah dipotong oleh unit amanah. Kredit cukai ini boleh dituntut sebagai potongan cukai di bawah subseksyen 110(9A) ACP.
8. Nota Amalan ini menjelaskan format dan terma yang digunakan di dalam baucar agihan untung unit amanah termasuklah RMMF. Format ini perlu diikuti oleh RMMF dan akan menjadi rujukan pemegang unit setiap kali agihan untung dibuat oleh RMMF kepada pemegang unit. Perincian format dan terma adalah seperti berikut:-

- (a) Format ruangan baucar agihan untung

Pendapatan Bercukai	Cukai Malaysia	Cukai Asing	Perbelanjaan Tidak Dibenarkan	Pendapatan Tidak Bercukai	Penyamaan Agihan	Bayaran Bersih Sebelum PCP
(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)

Cukai pegangan yang telah dipotong dan dibayar

(b) Penerangan terma yang digunakan di ruangan baucar agihan untung.

Terma	Penerangan
Pendapatan Bercukai (1)	Ruangan ini adalah berkaitan dengan sebahagian daripada jumlah pendapatan unit amanah yang diagihkan kepada pemegang unit. Amaun yang ditunjukkan di ruangan ini hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar daripada unit amanah.
Cukai Malaysia (2)	Ruangan ini adalah berkaitan dengan sebahagian daripada jumlah cukai pendapatan yang boleh dikenakan kepada unit amanah.
Cukai Asing (3)	Ruangan ini adalah berkaitan dengan sebahagian daripada cukai asing yang ditanggung oleh unit amanah dan dibenarkan sebagai pelepasan di bawah seksyen 132 ACP. Tolakan (set-off) di bawah subseksyen 110(9A) ACP adalah berasaskan amaun di ruangan (2) ditolak amaun di ruangan (3), jika ada.
Perbelanjaan Tidak Dibenarkan (4)	Ruangan ini adalah berkaitan dengan perbelanjaan yang tidak boleh dibenarkan potongan bagi maksud cukai yang ditolak daripada amaun yang boleh dibahagikan .
Pendapatan Bercukai (5) Tidak	Ruangan ini adalah berkaitan dengan pendapatan atau keuntungan yang dikecualikan cukai atau tidak boleh dikenakan cukai.
Penyamaan Agihan (6)	Ruangan ini adalah bagi penggenapan amaun bayaran agihan keuntungan.
Bayaran Bersih Sebelum Potongan Cukai Pegangan (PCP) (7)	Ruangan ini adalah jumlah agihan bersih yang diagihkan/ dikreditkan kepada pemegang unit.
Cukai pegangan yang telah dipotong dan dibayar	Makluman jumlah cukai pegangan yang telah dipotong dan dibayar RMMF.

9. Bagi maksud mengira pendapatan bercukai dan kredit cukai yang layak dalam tahun asas bagi suatu tahun taksiran, RMMF dikehendaki melaporkan pendapatan bercukai dalam ruangan (1) baucar agihan untung. Pemegang unit juga hendaklah merujuk kepada amaun yang dinyatakan di ruangan (1) baucar agihan untung.
10. Contoh baucar agihan untung yang disediakan berdasarkan format pelaporan yang dinyatakan di perenggan 8 adalah seperti berikut:-

Contoh 1:

Dana Sukakaya adalah RMMF yang telah mengagihkan keuntungan tahunannya pada 15 Disember 2024. Berikut adalah baucar agihan untung pemegang unitnya iaitu Binanegara Sdn. Bhd.

<u>BAUCAR CUKAI MALAYSIA</u>						
Kami dengan ini memperakukan bahawa cukai pendapatan Malaysia seperti di bawah telah atau akan diakaunkan oleh kami kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia. Sila simpan baucar ini untuk pengemukakan kepada pihak berkuasa cukai yang berkenaan.						
Pendapatan Bercukai (1)	Cukai Malaysia (2)	Cukai Asing (3)	Belanja Tidak Dibenarkan (4)	Pendapatan Tidak Bercukai (5)	Penyamaan Agihan (6)	Bayaran Bersih Sebelum PCP (7)
RM100,000	-	-	RM20,000	-	-	RM80,000
Cukai pegangan yang telah dipotong dan dibayar: RM24,000.00						

Pengiraan cukai Binanegara Sdn Bhd bagi tahun taksiran 2024 adalah seperti berikut:-

Butiran	RM
Agihan tabung unit amanah	100,000
Pendapatan bercukai	100,000
Cukai Malaysia @ 24%	24,000.00
Cukai kena dibayar	24,000.00
(Tolak) Kredit cukai subseksyen 110(9A) ACP	(24,000.00)
Jumlah cukai kena dibayar	-

11. Selain daripada menggunakan ruangan (1) format baucar di atas yang mana RMMF melaporkan agihan untung bagi pendapatan faedah yang diterima di Malaysia daripada bank dan institusi kewangan tempatan ("agihan untung") sebagai pendapatan bercukai, terdapat juga RMMF yang menggunakan ruangan (5) format di atas dan melaporkan agihan untung sebagai pendapatan tidak bercukai. Walau bagaimana pun, jika agihan untung dilaporkan sebagai pendapatan tidak bercukai dan terdapat potongan cukai pegangan dibuat oleh RMMF, agihan untung itu tetap dikira sebagai pendapatan bercukai sebagaimana yang diperuntukkan di dalam ACP.

Contoh 2:

Dana Sukakata adalah RMMF yang telah mengagihkan keuntungan tahunannya pada 29 Februari 2024. Berikut adalah baucar agihan untung pemegang unitnya iaitu Binakota Sdn. Bhd.

BAUCAR CUKAI MALAYSIA

Kami dengan ini memperakukan bahawa cukai pendapatan Malaysia seperti di bawah telah atau akan diakaunkan oleh kami kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia. Sila simpan baucar ini untuk pengemukakan kepada pihak berkuasa cukai yang berkenaan.

Pendapatan Bercukai (1)	Cukai Malaysia (2)	Cukai Asing (3)	Belanja Tidak Dibenarkan (4)	Pendapatan Tidak Bercukai (5)	Penya- maan Agihan (6)	Bayaran Bersih Sebelum PCP (7)
-	-	-	RM25,000	RM200,000	-	RM175,000
Cukai pegangan yang telah dipotong dan dibayar: RM48,000.00						

Pengiraan cukai Binakota Sdn Bhd bagi tahun taksiran 2024 adalah seperti berikut:-

Butiran	RM
Agihan tabung unit amanah	200,000
Pendapatan bercukai	200,000
Cukai Malaysia @ 24%	48,000.00
Cukai kena dibayar	48,000.00
(Tolak) Kredit cukai subseksyen 110(9A) ACP	(48,000.00)
Jumlah cukai kena dibayar	-

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Tarikh Penerbitan: 27 Februari 2026